

# Kerajaan perlu ambil tindakan tegas hadapi kemelesetan ekonomi — Seri Paduka

Dari  
Abdul Razak Rashid

KUCING 20 Sept. — Yang di-Pertuan Agong malam ini bertitah kerajaan perlu mengambil beberapa tindakan tegas dalam menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dunia sungguhnya ia merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Titah Seri Paduka, langkah tersebut bukanlah projek-projek pembangunan yang diutamakan terpaksa disesuaikan dengan keupayaan kerajaan tetapi terpaksa mengambil langkah-langkah tegas dalam menjimatkan segala bentuk perbelanjaan.

Dalam hubungan ini, "kita hendaklah melihat secara positif di mana semua pihak dapat bekerja" titah Seri Paduka.

Seri Paduka menarik perhatian, sikap dan cara menghadapi suasana ekonomi yang wujud sekarang merupakan satu ujian terhadap ketahanan rakyat.

Bertitah di dewan santapan di Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini, Seri Paduka menjelaskan, salah satu usul ketahanan ialah kesanggupan rakyat untuk meningkatkan daya pengeluaran.

"Inilah salah satu daripada perkara yang ditegaskan oleh kerajaan dan saya yakin rakyat sekalian dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan" titah Seri Paduka.

Seri Paduka berdua telah diiringi oleh Yang

Dipertua Negeri Sarawak Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakob, dan Toh Puan Datin Patinggi Hajah Normah di dewan santapan itu di mana persembahan kebudayaan turut diadakan.

Menurut Seri Paduka, perpaduan dan keharmonian juga merupakan asas-asas ketahanan yang penting dan ia adalah dititikberatkan dalam usaha membangunkan rakyat.

"Ia menjadi lebih penting dalam perspektif negara kita yang berbilang kaum dan keturunan. Begitulah pula ia menjadi satu cabaran yang besar titah baginda.

Dalam keadaan negara yang sebegini rupa,

tentulah perpaduan boleh terjejas dengan wujudnya unsur-unsur yang tidak sihat, tidak kira sama ada unsur-unsur tersebut berbentuk politik, ekonomi mahu pun sosial.

Demi kepentingan negara dan masa depannya dari segi melaksanakan program-program dan projek-projek yang dapat membawa kebahagiaan negara kita haruslah memberi keutamaan bagi menjamin kestabilan.

Mengenai Sarawak pula, Seri Paduka memberitahu di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Sarawak mendapat peruntukan kira-kira \$3,619 juta untuk menjayakan berbagai-bagai projek

pembangunan.

Pada tahun ini sahaja Sarawak mempunyai 2,696 buah projek untuk dilaksanakan.

Semua ini memerlukan keupayaan dan Seri Paduka berharap soal keupayaan akan dapat pertimbangan istimewa di semua peringkat kerajaan.

"Mungkin yang berbeza adalah dari segi tahapnya, namun demikian setiap negeri mengambil daya usaha untuk meningkatkan keupayaannya, saya yakin semua negeri akan mencapai tahap pembangunan yang diharapkan," titah Seri Paduka.